



KERATAN AKHBAR

AKHBAR	:	BERITA HARIAN			
TARIKH	:	10/5/2017	MUKA SURAT	:	20
JABATAN	:	NRE			
KLASIFIKASI	:	PERHATIAN			

Draf silibus alam sekitar hampir siap

Kuala Lumpur: Proses penyediaan draf silibus subjek alam sekitar yang dicadangkan sebagai sukatan pelajaran di sekolah serta pusat pengajian tinggi negara ini, berjalan lancar.

Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Datuk Seri Dr Wan Junaidi Tuanku Jaafar, berkata draf itu dijangka siap dalam tempoh dua bulan lagi, sebelum kementerianya mengadakan perbincangan dengan Kementerian Pendidikan.

Hampir lengkap

"Kita hampir melengkapkan draf silibus. Apabila siap kelak, Ketua Setiausaha (KSU) kementerian saya akan berbincang dengan KSU Kementerian Pendidikan.

"Mungkin selepas itu, saya akan bawa perkara ini kepada Kabinet untuk diputuskan. Bagaimanapun, kita harus tunggu keputusan daripada perbincangan itu," katanya pada majlis Hari Alam Sekitar 2017 Yayasan Sime Darby di Pentas Seni Kuala Lumpur, di sini, semalam.

Pada Februari lalu, Wan Junaidi mengumumkan cadangan memperkenalkan subjek alam sekitar dalam sukatan pelajaran di sekolah, bagi meningkatkan kesedaran dalam kalangan masyarakat terhadap alam sekitar.